

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN (RANAU)

RUJUKAN : 9421

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan agar senjata pemusnah besar-besaran tidak jatuh ke tangan kumpulan militan seperti DAESH, ISIS dan lain-lain; dan
- (b) tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memantau kegiatan militan rentas sempadan terutama sekali daripada negara Filipina masuk ke negara ini (negeri Sabah).

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa dalam keadaan bersiapsiaga bagi menghadapi sebarang bentuk ancaman daripada kumpulan militan. Kesiapsiagaan ini dibuat berdasarkan *Standard Operation Procedure (SOP)* Polis serta peraturan dan ketetapan yang terkandung dalam arahan Majlis Keselamatan Negara.

Pihak polis juga melakukan pemantauan berterusan terhadap bentuk-bentuk ancaman atau serangan oleh kumpulan militan khususnya penggunaan senjata pemusnah besar-besaran menerusi jalinan kerjasama dan perkongsian maklumat dengan agen perisikan asing. Setakat ini, tidak terkesan sebarang bentuk ancaman atau serangan sedemikian oleh kumpulan militan berkaitan.

Pada masa yang sama, kerjasama dalam program bina upaya dalam kalangan pegawai-pegawai penguatkuasa bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam mengesan dan membendung kegiatan Daesh juga terus dijalankan. Ia diperkuatkan pula dengan penganjuran program perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam menangani ancaman keganasan termasuklah amalan terbaik dalam memulihkan ideologi pengganas. Sebagai contoh Malaysia telah menganjurkan *International Conference On Deradicalisation And Countering Violent Extremism 2016* yang melibatkan negara-negara ahli ASEAN dan beberapa negara yang lain pada 25 dan 26 Januari 2016 yang lepas.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan sedang dalam usaha untuk mengadakan latihan bersama (*joint exercise*) di kalangan pasukan-pasukan keselamatan negara-negara serantau bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan masing-masing dalam menghadapi ancaman Daesh.

Ancaman Daesh adalah bersifat global dan tidak ada satu negara pun yang mampu menangani ancaman ini secara bersendirian. Oleh itu, kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa terutamanya dengan agensi perisikan dan keselamatan Filipina serta Indonesia adalah satu pendekatan yang amat baik dan berkesan dalam mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia.